

DIVORCE AMONG MUSLIM ADULT COUPLES: UNDERLYING CAUSES AND MENTAL HEALTH IMPLICATIONS

PERCERAIAN PASANGAN DEWASA MUSLIM: PUNCA DAN IMPLIKASI TERHADAP MASALAH KESIHATAN MENTAL

Rogayah Estar Mohamadiⁱ, Nurul 'Izzah Baharudinⁱⁱ, Farah Mohd Ferdausⁱⁱⁱ, Khairul Ashraaf Saari^{iv}, Muhd Adli Ahmad^v, Khadijah Maisarah Mohd Nadzri^{vi} & Norazmi Anas^{vii}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah, Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur. rogayah@uptm.edu.my
- ⁱⁱ Pensyarah, Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur. nurul_izzah@uptm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah, Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur. farah@uptm.edu.my
- ^{iv} Pensyarah, Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur. ashraaf_s@uptm.edu.my
- ^v Pensyarah, Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur. adli_ahmad@uptm.edu.my
- ^{vi} Pensyarah, Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur. khadijah@uptm.edu.my
- ^{vii} Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perak, Kampus Tapah. norazmianas@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 17 August 2025

Revised: 15 September 2025

Accepted: 30 September 2025

Abstract	<p><i>The divorce cases among adult Muslim couples in Malaysia have shown an increase every year, particularly among those aged 40 and above who have been married for more than 10 years. Previous studies have mostly focused on younger couples and short-term marriages, while research on divorce among adult Muslim couples in densely populated urban areas exposed to urbanization, such as the Federal Territory of Kuala Lumpur, remains limited. This study aims to identify the main causes of divorce among the Malay community and its implications for the mental health of the divorced couples and their close family members. The study uses a descriptive qualitative approach through semi-structured interviews with five participants from diverse backgrounds who reside or work in Kuala Lumpur. The findings reveal that the main causes of divorce include neglect of financial support and responsibilities, third-party interference, polygamy, substance addiction, and domestic violence. Indirectly, divorce has been found to contribute to an increase in mental health issues among the couples and their family members. It is hoped that this study will serve as a useful reference for relevant stakeholders in formulating intervention strategies to address the issue of divorce and its consequences.</i></p> <p>Keywords: Divorce, Adult, Muslim, Couples, Urban.</p>
Abstrak	<p><i>Kes perceraian pasangan dewasa Islam di Malaysia menunjukkan peningkatan setiap tahun iaitu pasangan dalam kalangan mereka yang berumur 40 tahun</i></p>

ke atas dan telah berkahwin melebihi 10 tahun. Kajian lepas lebih tertumpu kepada pasangan muda dan perkahwinan jangka pendek, manakala kajian mengenai perceraian dalam kalangan pasangan dewasa muslim di kawasan bandar yang padat dan terdedah kepada urbanisasi seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih terhad. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti punca utama perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu serta implikasinya terhadap kesihatan mental pasangan suami-isteri dan ahli keluarga terdekat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui temu bual separa berstruktur bersama lima orang peserta kajian daripada pelbagai latar belakang yang menetap atau bekerja di Kuala Lumpur. Hasil kajian menunjukkan bahawa punca utama perceraian termasuklah pengabaian nafkah dan tanggungjawab, pengaruh orang ketiga, poligami, ketagihan bahan terlarang dan kes keganasan rumah tangga. Perceraian ini secara tidak langsung didapati menyumbang kepada peningkatan kes penyakit mental dalam kalangan pasangan dan ahli keluarga mereka. Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan berguna kepada pihak berkepentingan dalam merangka strategi intervensi bagi menangani isu perceraian dan kesannya.


Kata kunci: Perceraian, Dewasa, Muslim, Pasangan, Urbanisasi.

PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan institusi mulia dalam Islam. Ia bertujuan untuk membina kasih sayang, kedamaian dan perlindungan antara pasangan suami isteri. Ia disyariatkan bagi menjamin rahmat serta kestabilan dalam hubungan kekeluargaan. Namun, apabila matlamat ini gagal dicapai, perceraian sering menjadi jalan terakhir sebagai penyelesaian. Fenomena perceraian kini telah menjadi isu global dengan trend peningkatan yang berterusan di pelbagai negara termasuk Malaysia.

Walau bagaimanapun, data terkini menunjukkan perkembangan yang lebih positif. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam laporan rasmi telah mengeluarkan penerbitan mengenai perangkaan perkahwinan dan perceraian di Malaysia bagi tahun 2024 pada 21 November 2024. Menurut Ketua Perangkaan Malaysia bilangan perceraian orang Islam mencatatkan penurunan 3.9 peratus pada 2023 (44,322) berbanding 2022 (46,138). Tiga negeri yang mencatatkan penurunan tertinggi bilangan perceraian orang Islam iaitu Kelantan (1,250 : 28.7%), Johor (790 : 13.0%) dan Sabah (756 : 19.5%).

Berikut menunjukkan carta bagi bilangan kes perceraian di Malaysia daripada tahun 2020 sehingga 2023.



Sumber : Kementerian Ekonomi & Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024, November 21)

Berdasarkan carta yang diperolehi daripada Kementerian Ekonomi dari Jabatan Perangkaan Malaysia menerusi kenyataan media (21 November 2024), peningkatan yang paling tinggi dicatatkan pada tahun 2022 dari tahun sebelumnya. Trend hampir sama

dengan keseluruhan Malaysia, dengan penurunan dari 2020 ke 2021, peningkatan pada 2022, dan sedikit penurunan pada 2023. Jika dilihat pada semua kategori, kes penceraian pada tahun 2022 merupakan tahun tertinggi dari pasangan islam yang menyumbang peratusan besar kepada jumlah keseluruhan penceraian di Malaysia. Terdapat peningkatan yang ketara dalam kes penceraian selepas 2021, yang mungkin berkait dengan faktor sosioekonomi, kesan pasca pandemik COVID-19 yang membawa kepada tekanan kewangan, jiwa dan mental.

Kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Seri Dr. Zaleha Mustafa, mengenai lebih 40,000 penjawat awam yang berisiko tinggi mengalami gangguan kesihatan mental mencerminkan hakikat tekanan psikososial yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat, terutamanya golongan profesional di Malaysia. Tekanan kerja yang tinggi, keletihan berpanjangan, dan bebanan mental yang tidak terkawal, khususnya bagi pasangan yang menetap atau bekerja di sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang sangat padat memberikan kesan ketara kepada masalah kesihatan mental yang kritikal (Malaysia Gazette, 11 Mei 2025).

Dalam konteks pasangan dewasa Muslim, gangguan kesihatan mental yang tidak diurus dengan baik boleh mengganggu komunikasi, menurunkan tahap empati, dan mencetuskan konflik rumah tangga. Gangguan emosi ini sering menjejaskan fungsi perkahwinan secara keseluruhan dan menjadi faktor risiko kepada keretakan rumah tangga (Abdullah et al., 2020).

Keadaan ini akhirnya menyumbang kepada peningkatan kes penceraian dan merumitkan proses pemulihan emosi selepas perpisahan. Peningkatan kes penceraian dalam kalangan pasangan dewasa Muslim di Malaysia menimbulkan kebimbangan terhadap kestabilan institusi kekeluargaan dan kesejahteraan psikososial bukan sahaja kepada individu yang terlibat dengan perceraian itu sendiri, bahkan turut melibatkan individu yang berada di sekeliling mereka termasuk anak-anak, ahli keluarga dan juga masyarakat (Noor Syaibah, et.al., 2016).

Remaja yang membesar dalam keluarga yang ibu bapa mereka bercerai biasanya mempunyai konsep sendiri yang lemah, kurang kawalan diri, tidak pandai bergaul dan tidak kisah tentang penampilan diri (Koziey, 1982).

Perceraian yang berlaku sememangnya sangat memberikan kesan kepada emosi, psikologi tingkah laku dan pemikiran pasangan suami isteri dan juga semua individu yang ada di sekeliling mereka. Sekaligus boleh membawa kepada peningkatan tekanan emosi atau penyakit mental dalam kalangan masyarakat (Sabariah Baharum, 1989). Menyedari hakikat kesan buruk ini, pengkaji terpenggil untuk mengkaji mengenai faktor yang menyebabkan fenomena ini terutama melibatkan pasangan dewasa muslim dalam kalangan masyarakat Melayu di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji pengalaman para peserta yang terlibat dengan kes-kes penceraian terdiri daripada pelbagai latarbelakang taraf hidup dan tahap pendidikan dalam kalangan lelaki dan wanita. Golongan 'dewasa muslim' dalam kajian ini adalah merujuk kepada golongan yang berumur 40 tahun ke atas di mana mereka telah mendirikan rumah tangga lebih dari 10 tahun. Pemilihan skop golongan ini adalah kerana peningkatan kes perceraian dari tahun ke tahun dan kurangnya kajian lepas yang dilakukan terhadap golongan ini berbanding kajian terhadap perceraian dalam kalangan pasangan muda.

Manakala pemilihan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur sebagai demografi kajian adalah kerana pendedahan masyarakat sekitar terhadap kemodenan dan urbanisasi selain mempunyai kepadatan penduduk yang sangat tinggi. Maklumat ini menggambarkan kepentingan kajian lanjut terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan trend penceraian serta pendekatan yang boleh diambil bagi memelihara institusi perkahwinan dalam masyarakat Islam di Malaysia.

Melalui kajian ini, diharapkan semua pihak berkepentingan dapat membuka mata untuk memikirkan langkah-langkah proaktif bagi menangani isu penceraian dalam kalangan pasangan dewasa. Disamping itu, kajian ini juga penting kepada masyarakat untuk

dijadikan iktibar dan panduan dalam memelihara perkahwinan dan keharmonian sebuah rumah tangga.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk meneroka isu perceraian secara mendalam serta merakam pandangan individu melalui pengalaman sebenar. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji menggambarkan fenomena dengan tepat dan konsisten.

Hal ini turut disokong oleh Zanaton Iksan et al. (2016) yang menyatakan bahawa, kajian kualitatif ini mempunyai elemen kesahan dan kesahihan atau kebolehpercayaan adalah sangat penting bagi memastikan sesuatu kajian dapat dijalankan melalui proses yang betul. Oleh yang demikian, menerusi kajian ini pengkaji telah menjalankan kajian secara lapangan iaitu melalui kaedah temu bual.


Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temu bual, yang membolehkan komunikasi dua hala antara pengkaji dan peserta serta memberi ruang untuk penjelasan yang lebih terperinci (Ahmad Sunawari & Zaizul, 2011). Beberapa soalan telah dirangka terlebih dahulu berdasarkan topik kajian sebelum sesi temu bual dijalankan. Seramai lima orang peserta telah dipilih bagi sesi pengumpulan data kajian ini. Pemilihan informan adalah terdiri daripada golongan dewasa iaitu had umur daripada 30-40 tahun serta telah melalui proses perceraian dengan sempurna.

Pengkaji telah menerapkan kaedah temu bual semi berstruktur bagi mendapatkan gambaran sebenar berdasarkan pengalaman peserta berhubung punca perceraian, kesan yang dialami serta langkah-langkah yang diambil dalam menghadapi situasi tersebut.

Pemilihan kaedah temubual semi berstruktur ini adalah bertujuan untuk membenarkan pengkaji menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan serta memberi kebebasan pengkaji untuk untuk menjelajah dengan lebih mendalam tentang jawapan informan dari soalan formal tadi (Chua, Y. P. 2011). Soalan temu bual yang disediakan oleh pengkaji meliputi beberapa 4 bahagian iaitu Bahagian A meliputi soalan Demografi Informan, Bahagian B berkenaan dengan Punca Perceraian, Bahagian C meliputi soalan Impikasi Perceraian dan Bahagian D adalah Langkah yang Diambil.

Data statistik menunjukkan berlaku penurunan kes perceraian dalam kalangan penduduk di Malaysia pada tahun 2020 dan 2021. Namun pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Rujuk data statistik dalam jadual 3 di bawah: (Rhea Yasmine Alis Haizan (26 Nov 2023)

Carta 2 : Statistik Kes-kes Perceraian di Malaysia Tahun 2016-2022



Sumber: *Department of Statistics Malaysia. (2023). Number of divorces in Malaysia, 2016-2022*

Manakala kes perceraian melibatkan pasangan muslim juga turut meningkat secara mendadak sebanyak 45.8% pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 yang mana sebahagiannya disebabkan oleh kes tertangguh akibat pandemik COVID-19. Rujuk jadual 4 di bawah sebagai bukti.

Carta 3 : Statistik Penceraian Muslim 2020-202

Tahun	Jumlah Kes	Purata Setiap 1,000 orang	Median Umur Lelaki	Median Umur Perempuan
2020	37,853	1.9	37.0 tahun	34.0 tahun
2021	31,650	1.5	37.0 tahun	35.0 tahun
2022	46,138	2.2	37.0 tahun	35.0 tahun
2023	44,322	2.1	37.0 tahun	35.0 tahun

Sumber : Department of Statistics Malaysia. (2024). *Marriage and divorce statistics, Malaysia 2023*.

Beberapa kajian terdahulu telah membincangkan punca penceraian dalam pelbagai konteks sosioekonomi dan budaya. Antara faktor yang sering dikenal pasti termasuklah konflik komunikasi, tekanan kewangan, ketidaksetiaan, dan kegagalan dalam pengurusan emosi (Noraini et al., 2021; Ahmad & Zainal, 2019). Dalam konteks pasangan Muslim, nilai agama dan peranan jantina turut menjadi dimensi penting yang mempengaruhi kestabilan rumah tangga (Yusof & Hassan, 2020).

Sementara itu, kesihatan mental pasca penceraian menunjukkan bahawa individu yang bercerai berisiko mengalami kemurungan, kebimbangan, serta tekanan emosi yang berpanjangan (Khawaja et al., 2020). Tekanan kerja yang tinggi juga memburukkan lagi ketidakseimbangan emosi dalam rumah tangga (Rahim et al., 2022). Namun begitu, kajian yang secara khusus meneliti kesan penceraian terhadap kesihatan mental dalam kalangan pasangan Muslim dewasa di Malaysia masih terhad, menunjukkan keperluan untuk penyelidikan yang lebih mendalam dan kontekstual.

Kajian ini melibatkan lima (5) orang peserta ; iaitu seorang lelaki dan empat orang perempuan yang kemudiannya dikodkan sebagai R1, R2, R3, R4 dan R5 datang daripada latar belakang sosioekonomi berbeza, iaitu seorang dari kategori T20, seorang daripada M40 dan tiga orang daripada B40. Data diperoleh melalui temu bual separa berstruktur yang dirakam, ditranskripsi dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan bertema seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006).

Kaedah ini melibatkan pengekodan data, pembangunan tema, dan pengelasan dapatan berdasarkan corak yang berulang dalam maklum balas informan. Dalam kajian ini, penyelidik menumpukan kepada tema-tema berkaitan punca konflik perkahwinan yang menyumbang kepada tekanan psikologi dan implikasi konflik tersebut terhadap kesihatan mental informan. Tema-tema utama yang telah dikenalpasti ialah:

- i. Punca Konflik yang Mendorong Tekanan Psikologi.
- ii. Impak Konflik Terhadap Kesihatan Mental Pasangan.

Namun dalam artikel ini, penyelidik hanya memfokuskan kepada tema 1; Punca Konflik yang Mendorong Tekanan Psikologi. Konflik perkahwinan yang berpanjangan seringkali berpunca daripada pelbagai faktor dalaman dan luaran yang memberi tekanan emosi kepada pasangan. Kajian ini mengenal pasti lima punca utama yang mendorong kepada konflik dan seterusnya menyumbang kepada tekanan psikologi dalam kalangan pasangan, iaitu pengabaian nafkah zahir dan batin, campur tangan pihak ketiga, kejutan budaya, serta masalah komunikasi.

PENGABAIAN TANGGUNGJAWAB NAFKAH ZAHIR

Kegagalan suami untuk memenuhi keperluan kewangan keluarga merupakan salah satu punca utama konflik rumah tangga yang membawa kepada tekanan psikologi, khususnya kepada isteri. Bebanan ekonomi yang sepatutnya dipikul oleh suami menyebabkan tekanan berganda apabila isteri terpaksa menanggung sepenuhnya kos sara hidup isi rumah, termasuk keperluan anak-anak.

R1 melaporkan bahawa suami beliau hanya memberikan sebanyak RM400-500 sahaja sebulan sedangkan bebanan kewangan keluarga semakin meningkat ekoran anak-anak yang semakin bertambah dan sedang membesar. Walhal kedudukan kewangan suami

yang berjawatan Major dalam tentera sepatutnya mampu memberikan kewangan yang lebih daripada jumlah tersebut. Situasi ini menjejaskan keseimbangan peranan isteri yang turut bertanggungjawab terhadap urusan rumahtangga dan penjagaan anak-anak, lantas mencetuskan keletihan fizikal dan tekanan emosi yang berterusan.

Kajian oleh Norhayati, Hazlina dan Asrenee (2018) turut mendapati bahawa ketidakseimbangan dalam pembahagian tanggungjawab ekonomi antara pasangan boleh menyebabkan isteri mengalami gejala kemurungan sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta R2 semasa sesi temubual berlangsung. Pengabaian nafkah dalam jangka masa panjang juga menyumbang kepada kemerosotan komunikasi antara pasangan dan akhirnya membawa kepada keputusan untuk berpisah.

Buktinya tindakan informan R5 mengambil keputusan untuk berpisah dengan bekas suami beliau yang bersikap lepas tangan aspek nafkah terhadap isteri beliau ekoran dari kemampuan pihak isteri menampung perbelanjaan diri dan anak mereka. Kajian oleh Nasir et al. (2019) turut menyokong dapatan ini apabila mendapati bahawa ketidakfungsian peranan dalam sistem keluarga boleh menjejaskan kestabilan emosi pasangan, terutama apabila salah seorang gagal melaksanakan peranan utama dalam keluarga.

Manakala situasi peserta R4 pula sebaliknya, di mana konflik rumah tangga yang dialami berpunca daripada kegagalan isteri melaksanakan tanggungjawab asas sebagai pengurus rumahtangga. Menurut R4, semua urusan berkaitan kebajikan anak-anak melibatkan hal makan minum, persekolahan, dan pengurusan emosi anak ditanggung sepenuhnya oleh beliau.

Keadaan ini menyebabkan suami mengalami keletihan mental, tekanan berpanjangan dan rasa tidak dihargai sebagai ketua keluarga. Ketiadaan sokongan domestik daripada pasangan dalam institusi perkahwinan memberi tekanan berganda kepada suami yang juga berperanan sebagai penyumbang utama dari segi nafkah zahir. Hal ini selari dengan penemuan Zakaria dan Khalid (2020) yang menegaskan bahawa ketidakseimbangan pembahagian tanggungjawab dalam rumah tangga menjadi pencetus utama kepada konflik dan tekanan mental dalam kalangan pasangan, termasuk lelaki.

Rasa tidak dihargai dan kesunyian dalam perkahwinan menjadi pemangkin kepada kemerosotan hubungan suami isteri dan akhirnya membawa kepada penceraian. Perasaan ini turut dialami oleh informan R5 yang akhirnya menjadi asas kukuh untuk beliau menamatkan ikatan perkahwinan bersama bekas suaminya. Hal ini konsisten dengan pandangan Mohd Salleh et al. (2021) yang menegaskan bahawa tekanan akibat ketidakseimbangan peranan dalam rumah tangga menyumbang kepada keretakan institusi kekeluargaan.

PENGABAIAN NAFKAH BATIN

Selain nafkah zahir, pengabaian dari segi nafkah batin juga menjadi faktor utama kepada konflik. Ini merangkumi ketiadaan masa berkualiti bersama keluarga, kurang didikan agama kepada anak-anak, dan hilangnya keintiman emosi serta spiritual antara suami dan isteri. Beberapa peserta menyatakan bahawa pasangan mereka jarang meluangkan masa bersama kerana lebih mementingkan masa sendiri.

R1 melaporkan bahawa sewaktu beliau melahirkan anak ke-4, bekas suami beliau sering keluar rumah dan tidak balik. Situasi yang sama dialami oleh R3, di mana bekas suami beliau sering keluar malam sehingga awal pagi baru pulang ke rumah. R5 pula menyatakan bahawa bekas suami beliau sudah lama tidak memenuhi tuntutan nafkah batin disebabkan perkahwinan mereka yang bersifat jarak jauh dan sikap dingin suami kepada beliau.

Ketiadaan bimbingan agama dalam keluarga bukan sahaja melemahkan ikatan spiritual tetapi turut mengurangkan ketahanan emosi pasangan dalam menghadapi cabaran perkahwinan. Kajian oleh Hassan dan Zakaria (2021) menjelaskan bahawa ketiadaan sokongan emosi dan rohani dalam hubungan suami isteri meningkatkan risiko tekanan psikologi serta perasaan kekosongan dalam hubungan.

Ini dinyatakan oleh informan R1 dan R3 di mana mereka mula berasa tawar hati dengan sikap suami yang kurang menghayati tuntutan agama serta sering menghabiskan

masa di luar rumah. Dapatan daripada informan R5 pula menunjukkan bahawa keputusan untuk berpisah diambil apabila beliau merasakan hubungan perkahwinan yang dijalani sudah tidak lagi memenuhi keperluan emosi dan nafkah batin. Perkahwinan jarak jauh yang berpanjangan serta sikap dingin suami terhadap beliau menyebabkan ketiadaan hubungan intim yang sepatutnya menjadi salah satu asas kepada keharmonian rumah tangga. Hal ini telah menimbulkan rasa terpinggir dan kesepian yang mendalam dalam diri informan, lalu mencetuskan keputusan untuk menamatkan perkahwinan.

Menurut Mohd Noor et al. (2021), nafkah batin merangkumi bukan sahaja hubungan fizikal, tetapi juga perhatian emosi, komunikasi mesra, dan keintiman spiritual antara pasangan. Kegagalan memenuhi aspek ini dalam tempoh yang lama, terutama dalam situasi perkahwinan jarak jauh, sering menjadi faktor utama kepada konflik psikologi dan keretakan rumah tangga. Tambahan pula, apabila pasangan tidak mengambil inisiatif untuk mengekalkan hubungan emosional, individu yang terabai cenderung untuk mengalami tekanan mental, kesunyian kronik dan rasa tidak dihargai (Zainal & Ahmad, 2020).

CAMPUR TANGAN PIHAK KETIGA

Kehadiran pihak ketiga, sama ada dalam bentuk kecurangan pasangan atau campur tangan ahli keluarga seperti ibu mertua, menjadi antara pencetus utama konflik rumah tangga yang serius dan berpanjangan. Kecurangan suami atau isteri merosakkan asas kepercayaan dalam perkahwinan, menyebabkan individu yang dikhianati mengalami krisis emosi dan kehilangan rasa selamat dalam hubungan.

Antara kesan psikologi yang dilaporkan termasuk perasaan ditolak, murung, dan gangguan harga diri. Individu yang menjadi mangsa kecurangan juga berisiko tinggi mengalami tekanan emosi yang berpanjangan dan trauma psikologi, khususnya apabila pengkhianatan berlaku dalam tempoh perkahwinan yang panjang atau melibatkan pihak ketiga yang dikenali (Gordon, Baucom, & Snyder, 2004). Selari dengan apa yang dialami oleh informan R2 di mana insan yang merampas suami beliau merupakan kakak angkat yang sebelumnya sangat dipercayai olehnya.

Dalam konteks budaya Malaysia, campur tangan keluarga, terutamanya ibu mertua yang bersikap negatif terhadap menantu, juga boleh mencetuskan konflik dan tekanan emosi dalam kalangan pasangan. Menurut Shukor et al. (2021), tekanan yang berpunca daripada ketegangan antara pasangan dan keluarga mertua memberi kesan signifikan terhadap kesejahteraan mental isteri, termasuk kecelaruan emosi, dan rasa terpinggir dalam rumah tangga sendiri.

Tekanan yang dihadapi isteri juga menjadi lebih rumit kerana konflik yang dialami bukan sahaja melibatkan pasangan, tetapi juga keluarga yang lebih luas. Menurut Boss (2002), konflik antara sistem dalam keluarga besar (*extended family system*) boleh menimbulkan tekanan pelbagai lapis (*multilevel stress*) yang meningkatkan kerentanan kepada gangguan mental.

Syariat Islam dan undang-undang sivil memandang serius keterlibatan pihak ketiga yang menggugat keharmonian sebuah perkahwinan dan dikategorikan sebagai satu kesalahan jenayah. Terdapat sekurang-kurangnya 3 seksyen di dalam Akta 559 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 Bahagian V - Kesalahan Pelbagai yang berkaitan dengan orang ketiga dalam sebuah perkahwinan bertujuan untuk memelihara keharmonian ummah dengan harapan tidak berlakunya perpecahan sesebuah institusi rumahtangga.

Namun, masyarakat umum masih kurang pendedahan mengenai malah ada juga yang tidak mengetahui kewujudan peruntukan itu (Muhammad & Ismail, 2019). Selain itu, mahkamah turut melihat kriteria lain seperti kemungkinan isteri pertama mengalami penyakit kemurungan atau tekanan emosi disebabkan oleh poligami yang tidak mengikut prosedur. (Fakhrul Azman, 2018). Ini menunjukkan bahawa kestabilan emosi dan mental dalam rumahtangga, terutama bagi wanita perlu diutamakan bagi menjamin kesejahteraan dalam keluarga.

KEJUTAN BUDAYA DAN PERBEZAAN GAYA HIDUP

Perbezaan gaya hidup dan nilai antara pasangan juga menyumbang kepada konflik yang berpanjangan. Keadaan ini lebih ketara apabila salah seorang pasangan mempunyai gaya hidup yang boros, suka berhibur atau cenderung kepada kehidupan sosial yang mewah dan tidak selari dengan keperluan keluarga. Informan R4 melaporkan bahawa isterinya sering berbelanja di luar kemampuan dan gemar berfoya-foya di pusat hiburan serta sanggup berlaku curang dengan seorang berpangkat Dato' demi mengejar kemewahan yang dijanjikan oleh Dato' tersebut.

Situasi sebegini menyebabkan si suami rasa terabai dan kurang dihargai. R1 juga menyatakan bahawa bekas suaminya sering menghabiskan masa bersama kawan-kawan di kelab-kelab malam bertemankan wanita sebagai penghibur. Situasi ini mencetuskan ketegangan kerana pasangan yang lebih bertanggungjawab akan mengalami tekanan apabila melihat sumber kewangan keluarga dibazirkan. Kamaruddin (2019) menyatakan bahawa ketidakselarasan gaya hidup antara pasangan boleh menimbulkan tekanan ekonomi dan psikologi, khususnya apabila melibatkan tanggungjawab terhadap anak-anak dan perancangan masa depan.

Pasangan yang menitikberatkan aspek keagamaan dalam kehidupan perkahwinan lazimnya mengharapkan suasana rumah tangga yang dibina atas nilai-nilai spiritual, tanggungjawab moral, dan amalan keagamaan yang seimbang. Oleh itu, apabila salah seorang pasangan menunjukkan sikap tidak ambil peduli terhadap penghayatan agama, gemar berpoya-poya, atau menjalani gaya hidup yang bertentangan dengan prinsip Islam, ia mencetuskan rasa tidak senang, konflik nilai, dan gangguan emosi dalam hubungan (Abdullah & Mohamed, 2020).

Perbezaan tahap komitmen terhadap amalan agama antara pasangan boleh mewujudkan jurang komunikasi, kurang persefahaman, dan ketegangan yang berpanjangan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Omar dan Mahmud (2019), perbezaan nilai spiritual menjadi salah satu indikator ketidakpuasan dalam perkahwinan serta punca kepada tekanan psikologi dan perbalahan rumah tangga.

MASALAH KOMUNIKASI

Masalah komunikasi, termasuk kurangnya interaksi, komunikasi pasif-agresif, dan sikap mengelak perbincangan, menjadi punca utama konflik dan tekanan psikologi. Informan R5 menyatakan bahawa beliau sampai satu tahap sudah tidak mampu bertahan apabila suaminya sudah kurang bercakap, tak pandang muka beliau, malah sewaktu beliau sakit juga suami tidak mengendahnya, sehinggakan beliau menganggap suaminya sudah mati.

Situasi sedemikian menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk berpisah dengan suaminya kerana merasakan bahawa konflik antara beliau dengan pasangan tidak dapat diselesaikan dengan baik dan timbul rasa terasing dalam hubungan. Kajian oleh Ishak dan Ramli (2020) menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa komunikasi yang tidak berkesan adalah antara penyumbang utama kepada konflik rumah tangga dan boleh menyebabkan gangguan emosi, kemurungan, dan rasa rendah diri dalam kalangan pasangan.

Pertengkaran yang kerap berlaku dalam hubungan suami isteri menyumbang secara langsung kepada keretakan rumah tangga dan gangguan emosi dalam kalangan pasangan. Dapatan daripada informan R1 dan R3 menunjukkan bahawa konflik bermula apabila mereka mempersoalkan sikap pasangan yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing, lalu direspons dengan kemarahan dan pertengkaran yang berulang. Dalam kes yang lebih serius, seperti yang dilaporkan oleh informan R4, konflik ini turut berkembang kepada bentuk keganasan rumah tangga apabila pasangan bertindak agresif secara fizikal atau verbal.

Kekerapan berlakunya pertengkaran dalam hubungan perkahwinan merupakan antara penunjuk kepada ketidakstabilan emosi pasangan dan kelemahan dalam pengurusan konflik. Kajian oleh Yusof dan Abdul Ghani (2018) menunjukkan bahawa komunikasi

berunsur marah dan serangan emosi yang tidak terkawal mendorong kepada tekanan psikologi dan peningkatan risiko keganasan domestik, terutamanya dalam kalangan pasangan yang tidak mempunyai mekanisme penyelesaian konflik yang efektif. Selain itu, kegagalan dalam memahami dan memenuhi keperluan emosi pasangan boleh menimbulkan rasa tidak puas hati yang seterusnya mencetuskan tingkah laku agresif dalam hubungan (Ismail et al., 2020).

KETAGIHAN PERKARA-PERKARA TERLARANG

Keterlibatan pasangan dalam aktiviti negatif seperti perjudian merupakan antara pencetus kepada gangguan emosi dalam rumah tangga, sebagaimana yang ditunjukkan dalam kes informan R3. Dapatan ini selari dengan penemuan Dowling et al. (2009) yang menyatakan bahawa ketagihan judi dalam kalangan suami mengakibatkan gangguan serius terhadap fungsi keluarga, termasuk tekanan emosi dan keretakan hubungan antara pasangan. Dalam kes yang lebih parah, pasangan kepada penagih judi terpaksa memikul beban kewangan secara bersendirian dan mengalami kemurungan akibat kekecewaan dan pengabaian emosi (Hodgins et al., 2007).

Kalischuk et al. (2006) turut menegaskan bahawa keterlibatan dalam perjudian memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan mental pasangan serta meningkatkan risiko perceraian. Justeru, penemuan ini menunjukkan keperluan intervensi awal dalam bentuk kaunseling keluarga dan rawatan ketagihan untuk mengelakkan keruntuhan rumah tangga yang lebih parah.

PENGANIAYAAN DAN KEGANASAN RUMAH TANGGA

Keganasan rumah tangga merupakan salah satu faktor signifikan yang menyumbang kepada konflik dan perceraian dalam institusi perkahwinan. Walaupun statistik global dan nasional menunjukkan bahawa wanita adalah golongan yang paling berisiko menjadi mangsa keganasan rumah tangga, namun fenomena ini tidak terbatas kepada jantina tertentu. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sebanyak 2,459 Perintah Perlindungan Peribadi (PPO) telah dikeluarkan oleh mahkamah pada tahun 2019, dan daripada jumlah tersebut, 76.4 peratus diberikan kepada golongan wanita yang menjadi mangsa ancaman dan keganasan daripada suami (KPWKM, 2020).

Namun begitu, kajian semasa menunjukkan bahawa lelaki juga boleh menjadi mangsa keganasan rumah tangga, walaupun kes-kes sedemikian kurang dilaporkan dan sering dianggap sebagai tabu dalam masyarakat (Ali et al., 2016). Dapatan kajian ini disokong oleh pengalaman informan R4 yang menjadi mangsa penderaan fizikal dan emosi oleh isteri. Beliau melaporkan insiden dipukul sehingga lebam dan difitnah oleh pasangan sehingga hampir dikenakan tindakan undang-undang.

Keganasan yang dialaminya bukan sahaja bersifat fizikal, tetapi turut melibatkan pengasingan emosi dan manipulasi anak-anak untuk menentang beliau sebagai bapa. Pengalaman ini memperlihatkan bahawa keganasan rumah tangga adalah isu sejagat yang boleh memberi implikasi besar terhadap kesihatan mental, hubungan kekeluargaan dan pembentukan identiti anak-anak.

Menurut Rogayah Estar (2020), perceraian dalam kalangan pasangan dewasa Muslim tidak hanya dipengaruhi oleh masalah kewangan atau komunikasi, tetapi turut melibatkan elemen keganasan, sama ada secara fizikal atau psikologi. Dalam banyak kes, pihak yang menjadi mangsa akhirnya memilih untuk berpisah demi keselamatan diri dan anak-anak. Perspektif ini menyokong dapatan kajian ini bahawa keganasan rumah tangga, walaupun sukar diakui oleh mangsa lelaki, boleh menjadi pencetus utama kepada perpecahan rumah tangga.

PENUTUP

Kajian ini telah mengenal pasti bahawa konflik perkahwinan yang berlaku dalam kalangan pasangan dari latar belakang sosio ekonomi berbeza dipengaruhi oleh pelbagai faktor

seperti komunikasi tidak berkesan, ketidaksetiaan, tekanan kewangan, campur tangan pihak ketiga, dan ketidakseimbangan peranan dalam rumah tangga. Punca-punca ini bukan sahaja menggugat keharmonian rumah tangga, malah memberi kesan yang signifikan terhadap kesihatan mental pasangan, termasuk tekanan psikologi.

Dapatan ini memperlihatkan keperluan mendesak kepada intervensi yang bukan sahaja bersifat psikologi tetapi juga mengambil kira aspek spiritual dan nilai kekeluargaan. Pendekatan holistik yang merangkumi bimbingan agama, kaunseling keluarga dan sokongan komuniti dapat membantu pasangan menangani konflik secara berkesan sebelum ia menjejaskan kesejahteraan mental mereka.

Oleh itu, pihak berkepentingan seperti kaunselor, agamawan, pembuat dasar serta institusi kekeluargaan perlu bekerjasama dalam merangka strategi pencegahan dan pemulihan yang bersepadu. Penekanan terhadap pendidikan pra-perkahwinan, kemahiran komunikasi, dan pengurusan emosi juga perlu diberi perhatian dalam usaha membina institusi perkahwinan yang lebih kukuh dan sihat

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ahmad Sunawari, L., & Zaizul, Ab, R. (2011). Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. In Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Boss, P. (2002). Family stress management: A contextual approach (2nd ed.). Sage Publications.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2020). Laporan statistik

Adam, J.H., & Adam, N.W.1979. Divorce: How And When To Let Go. Prentice-Hall Inc.

Perintah Perlindungan Peribadi (PPO) 2019. Jabatan Pembangunan Wanita.Knafl, K. A.

(1991). Patton, M.Q. (1990). Qualitative evaluation and research methods (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage.

Mohamad Sabri Yusoh & Bakar Che Mat. 2008. Penyalahgunaan dan pengedaran dadah di Malaysia: Undang-undang dan keberkesannya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nawawi, al- Bantani, Muhammad Bin Umar. (1999). Terjemah syarh 'Uqudu'llijain Etik Berumah Tangga, Terj. Drs. Afif Busthomi Dan Masyhuri Ikhwan. Jakarta: Pustaka Amani

Norhayati Suaidi. 1994. Faktor-Faktor Peribadi Dan Keluarga Yang Berkaitan Dengan Konsep Kendiri Pelajar Remaja Dariada Keluarga Bercerai: Satu Kajian Kes, Penerbit UTM

Sapora S. & Rohaya H. (2012). Teori Kaunseling dan Psikoterapi. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia

Jurnal

Abdullah, R., & Mohamed, S. (2020). Penghayatan agama dan hubungan kekeluargaan dalam kalangan pasangan Muslim di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 85–96.

Abdullah, N., Zainal, N. Z., & Yusoff, S. (2020). Mental health issues and marital satisfaction among Muslim couples in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 59(2), 893–908.

Abdul Karim Ibrhm, Mohd Sabree Nasri & Khairol Ikhwan @ Mohd Fithri Khoza. (2024). Pengaruh Faktor Sosial dan Agama Terhadap Peningkatan Kadar Perceraian: Peranan Institusi Sosial Dalam Menyokong Perkahwinan. *Jurnal Sains Sosial*. 9 (1), 90-104.

Ali, P. A., Dhingra, K., & McGarry, J. (2016). A literature review of intimate partner violence and its classifications. *Aggression and Violent Behavior*, 31, 16–25.

Amato, P.R. & Previti, D. (2003). People's Reason for Divorcing: Gender, Social Class, The Life Course, and Adjustment. *Journal of Famili Issues*, 24 (5), 602-626

- Anon. (2018). Three major factors that cause divorce and its solution in islam. A case study at Majalengka Religious Court in 2014 – 2017. *Al-Mashalih* 1
- Dowling, N. A., Smith, D., & Thomas, T. (2009). The family functioning of female pathological gamblers. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 7(1), 29–44.
- Gordon, K. C., Baucom, D. H., & Snyder, D. K. (2004). An integrative intervention for promoting recovery from extramarital affairs, *Journal of Marital and Family Therapy*, Hodgins, D. C., Shead, N. W., & Makarchuk, K. (2007). Relationship satisfaction and psychological distress among concerned significant others of pathological gamblers *Journal of Nervous and Mental Disease*, 195(1), 65–71. 30(2), 213–231.
- Ishak, M. S., & Ramli, N. (2020). Communication patterns in marriage and psychological well-being. *Journal of Human Sciences*, 12(2), 90–105.
- Ismail, R., Hashim, M. H., & Ramli, N. H. (2020). Konflik rumah tangga dan pengurusan emosi dalam kalangan pasangan suami isteri Muslim, *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 51–61.
- Koziey, Paul W.; Davies, Leigh. (1982). *Alberta Journal of Educational Research*, v28 n2 Pp 95-99
- Landis, J.T., (1960). The Trauma of Children When Parents Divorce, *National Council on Family Relations*, Vol. 22, No. 1 pp. 7-13, <https://doi.org/10.2307/347395>
- Mariam Abd Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. 2017. Perceraian Rumah Tangga Di Negeri Selangor Darul Ehsan Dan Pendekatan Menanganinya. *Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, E-jurnal penyelidikan dan inovasi*, 4(2): 285-303.
- Mohd Noor, M., Ismail, N. R., & Hussin, S. (2021). Cabaran nafkah batin dalam perkahwinan jarak jauh: Satu kajian dari perspektif wanita Islam di Malaysia, *Jurnal Syariah*, 29(1), 89–104.
- Mohd Salleh, N., Ahmad, R., & Yusof, N. (2021). Tekanan dalam perkahwinan dan kaitannya dengan peranan gender: Tinjauan terhadap keluarga Islam di Malaysia, *Jurnal Sains Sosial*, 9(2), 45–60.
- Muhammad, A & Jasmi, K. A. (2004). Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di kalangan Orang-orang Melayu dalam *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan. 2004, Universiti Malaya*, pada 29-30 May 2004, pp 1-8.
- Nasir, R., Ghazali, N., & Ab Rahman, A. (2019). The impact of family dysfunction on children's behaviour and academic performance, *Malaysian Journal of Psychiatry*, 28(2), 1–9.
- Norhayati, M. N., Hazlina, N. H. N., & Asrenee, A. R. (2018). Marital dissatisfaction and depression among Malaysian women. *BMC Women's Health*, 18(1), 1–7.
- Nye, F. I. (1957). Child Adjustment in Broken and in Unhappy Unbroken Homes, *National Council on Family Relations*, ,pp. 356-361. <https://doi.org/10.2307/347803>
- Omar, Z., & Mahmud, W. A. W. (2019). Konflik rumah tangga dari sudut perbezaan nilai agama: Satu tinjauan dalam kalangan pasangan Muslim. *Jurnal Hadhari*, 11(2), 77–92.
- Rieh, S.Y. & Belkin, N.J. (1998). Understanding Judgment of Information Quality and Cognitive Authority in the WWW, *Journal of the American Society for Information Science and Technology* 35. <https://www.researchgate.net/publication/238975063>
- Rogayah Estar. (2020). Perceraian Pasangan Dewasa Muslim: Pandangan Panel Pakar. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(2), 45–58.
- Sabariah Binti Baharum, (1989), Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah : Satu Kajian di Daerah Tawau. ttp: t.pt.
- Solihah Mansur & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2023). Perceraian Bagi Perkahwinan Berusia kurang Dari Tempoh Satu Tahun di Mahkamah Rendah Syariah Petaling. *Journal of Shariah Law Research*. Vol. 8, (1) 33-70.
- Shukor, S. A. A., Omar, Z., & Hassan, N. C. (2021). Cabaran hubungan menantu dan mertua dalam kalangan wanita bekerja di Malaysia: Implikasi terhadap kesejahteraan psikologi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 35(1), 67–81.

- Syaibah, N. S & Johari, Norazilah & Abdullah, Norhasima & Aziz, Syazwana. (2016). Perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan di pejabat agama Islam daerah Hulu Langat (PAIDHL): eksplorasi faktor 1: 36-52.
- Wan Murni Binti Wan Mokhtar, Anwar Fakhri Bin Omar. (2018). Analisis Punca Perceraian Dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes di Kota Bharu 2010-2014, Penerbit Kemala Indonesia, Vol. 6, No.2.
- Yusof, M. F. M., & Abdul Ghani, N. (2018). *Komunikasi konflik dan risiko keganasan rumah tangga: Satu kajian kes dalam kalangan pasangan Islam di Lembah Klang*. Jurnal Hadhari, 10(2), 115–130. <https://doi.org/10.17576/hadhari-2018-10-02-09>
- Zainal, N. Z., & Ahmad, S. (2020). *Kesunyian emosi dan kesannya terhadap kesejahteraan mental dalam perkahwinan*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 5(4), 112–120.
- Zaini Yusnita Bt. Mat Jusoh & Zanariah Dimon, (2014), Undang-undang Menangani Orang Ketiga Dalam Rumahtangga : Satu Sorotan Dalam Undang-undang Jenayah Syariah Negeri Selangor Dan Undang-undang Keluarga Sivil dalam International Research Management and Innovation Conference, Kuala Lumpur pada 17-18 November 2014, pp 222.
- Zakaria, N., & Khalid, M. (2020). Peranan suami isteri dalam institusi kekeluargaan menurut perspektif Islam: Tinjauan dalam masyarakat Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 12(1), 55–70.
- Zanariah Dimon. (2018). Tekanan Mental Dalam Perkahwinan Dan Penyelesaiannya Menurut Undang-Undang Keluarga Islam. 4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, Kuala Lumpur, 17 Oktober 2018.

Internet

- Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia, 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia. https://library.dosm.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=108084&shelfbrowse_itemnumber=171751 (Dicapai pada 14 Mei 2025)
- Jabatan Statistik Malaysia. (2020). Evolusi penduduk di Malaysia. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPD_5-2020_Siri-63.pdf. Dicapai pada 13 April 2021
- Raihanah Abdullah (2013). Wanita, perceraian dan mahkamah syariah dalam wanita dan perundangan Islam, Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher Rhea Yasmine Alis Haizan (26 Nov 2023) <https://www.channelnewsasia.com/asia/malaysia-divorce-cases-muslim-marriage-covid-pandemic-lockdown-polygamy-3943771> (Dicapai pada 14 Mei 2025)
- Kasamasu, L. Wan Chik, W.M.Y. & Mohd, Z. 2017. Permohonan fasakh perkahwinan kerana penyalahgunaan dadah menurut enakmen undang-undang keluarga islam (Pahang) 2005. https://www.researchgate.net/publication/329269315_Permohonan_Fasakh_Perkahwinan_Kerana_Penyalahgunaan_Dadah_Menurut_Enakmen_Undangundang_Keluarga_Islam_Pahang_2005. Dicapai pada 3 April 2021.
- MalaysiaGazette, (14 Mei 2025), Pengamal Pergigian Kerajaan Berdepan Ancaman Kesihatan Mental, <https://malaysiagazette.com/2025/05/11/pengamal-pergigian-kerajaan-berdepan-ancaman-kesihatan-mental/>. Dicapai pada 13 Mei 2025.
- Mohd Nazri. (2017). Agama Tentukan Kebahagiaan Keluarga. <https://www.bharian.com.my/taxonomy-term/61/2017/01/235618/agama-tentukan-kebahagiaan-keluarga>. Dicapai pada 7 Mei 2021.
- MyMetro. (2020). Aduan keganasan rumah tangga sejak PKP, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/639509/1929-aduan-keganasan-rumah-tangga-sejak-pkp>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.